



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Inspirasi Membentuk Jati Diri

Yuhainis Abdul talib

Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak

Hobi aku sedari kecil sememangnya membaca. Dahulu bahan bacaan harian semestinya surat khabar. Untuk membeli surat khabar setiap hari agak sukar bagi yang kurang berkemampuan seperti keluarga aku. Apabila tiba hari Ahad, seawal pagi, ayahku sudah memberi surat khabar, berebut-rebutlah kami adik beradik. Buku cerita amatlah terhad. Untuk membaca novel, perlu ke perpustakaan. Memandangkan kami tinggal di bandar, Perpustakaan Seberang Perai hanyalah 1km dari rumah. Paling menarik, Perpustakaan Seberang Perai menghadap laut. Bangunan 2 tingkat kayu sangat cantik dan nostalgik. Aku kerap ke sana untuk meminjam buku. Daripada buku-buku novel nipis hinggalah kepada novel-novel berat tulisan A. Samad Said seperti Salina dan Langit Petang.

Apabila aku memasuki tingkatan enam, salah satu silibus adalah novel keluarga Gerilya tulisan Pramoedya Ananta Toer. Novel ini amat terkesan di hati. Pengorbanan terhadap sebuah kemerdekaan amatlah mahal, tidak dapat dijual beli. Apabila aku berjaya menjejakkan kaki ke Institut Teknologi MARA (ITM), semangat jati diri semakin menebal dalam diri. Menghayati bermulanya pembentukan ITM untuk memajukan bangsa Melayu, membuat aku lebih terinspirasi untuk memajukan diri. Memastikan diri tidak dijajah dengan anasir-anasir liar, memegang prinsip jati diri untuk memajukan diri dan keluarga. Memerdekakan diri dan keluarga daripada belenggu kemiskinan, Sementelah, aku anak kedua, dan yang pertama menjejakkan kaki ke menara gading. Ayahku hanyalah pekerja buruh di Pelabuhan Pulau Pinang dan ibuku tidak bekerja. Kejayaanku menjadi inspirasi pada adik-adikku.

Sebuah novel lagi yang terlalu dekat di hatiku ialah novel bertajuk Generasi Yang Hilang. Karya Abdul Rahim Awang. Novel ini aku baca pada tahun 1990 semasa aku berada di tingkatan enam. Novel mengisahkan sebuah keluarga yang agak biasa hingga menjadi berada kerana kerja keras Encik Murad. Tetapi kesilapan Encik Murad membuatkan keluarganya berantakan. Daripada seorang anak yang terjebak dalam kancah dadah, yang seorang dirogol dan hilang dan mati kemalangan dek mengejar abang yang mencuri akibat desakan ketagihan dadah, pupus seluruh generasi En Murad kecuali cucunya yang cacat akibat kemalangan. Pengkisahan novel ini kebetulan di sekitar Butterworth, kampung halamanku. Teringat-ingat pesanan ibuku pada adik lelakiku, jangan dekatkan diri dengan rokok. Rokok akan mendorong ke arah dadah jika tersilap langkah. Kisah di dalam novel Generasi Yang Hilang amat terkesan di hati. Aku memaksa adik lelakiku untuk membaca novel Generasi Yang Hilang semasa umurnya 15 tahun. Memandangkan persekitaran kami adalah kawasan kampung di bandar Butterworth, token-token dadah amat mudah memasang perangkap mereka. Penjual-penjual burger di sekitar Butterworth sebahagiannya juga menghisap dadah dan menjadi "pusher". Persekitaran yang merisaukan ini membuat aku tidak henti-henti mengisahkan tragedi di dalam novel Generasi Yang Hilang kepada adik lelakiku. Alhamdulillah, adikku menjadi "orang" walaupun tidak menjejak kaki ke menara gading. Episod yang agak menyentuh hati, di mana beliau sekarang menjadi warden penjara Pulau Pinang dan selama beliau bertugas, ramai rakan-rakan kampung kami keluar masuk penjara akibat pelbagai jenayah termasuk kesalahan bersabit dadah. Tetapi "reunion" dihalang palang jeriji penjara antara warden dan banduan, yang dahulunya sama-sama mengejar sebiji bola yang sama di padang sekolah. Suatu pengajaran yang mahal.

Aku? Semangat untuk berjaya terus berkobar, demi mengubah keluargaku, keluar daripada kancan kemiskinan. Tetapi bukan daripada jalan yang salah seperti En Murad di dalam Novel Generasi Yang Hilang. Selepas aku berjaya menggenggam diploma, aku bekerja di sebuah firma konsultan. Selama aku bekerja dalam tempoh dua tahun tersebut, aku sentiasa pastikan aku bekerja dengan jujur dan amanah. Sebagai Jurukur Bahan, sangatlah mudah untuk pihak kontraktor memancing dengan sogokan wang ringgit. Pernah terjadi, apabila aku ke tapak pembinaan untuk menilai kerja kontraktor, terdengar cakap-cakap belakang mengatakan, susah jika Jurukur Bahannya perempuan. Ikut buku, kononnya. Aku hanya pekakkan telinga. Ikut buku dan bersikap jujur dan amanah adalah dua benda yang berbeza. Terkenang, semasa aku berusia lapan tahun, akibat ada lebih duit baki daripada kedai sebanyak lima sen terpaksa aku pulangkan kembali ke kedai yang jaraknya 20 minit berjalan. Itulah didikan amanah daripada arwah ayahku.

Dipendekkan cerita, setelah 2 tahun aku bekerja, aku berjaya melanjutkan pelajaran ke United Kingdom. Cabaran berada di negara yang dahulunya menjadi tuan dan penjajah di Tanah Melayu amatlah menguji dari segala sudut, mental dan fizikal. Kekuatan diri untuk belajar dengan duit biasiswa kerajaan tiada boleh aku hampakan. Ini duit rakyat Malaysia. Segala cabaran aku berjaya harungi. Selama 2 tahun aku tidak balik bercuti kerana kekangan kewangan. Aku bekerja sambil mencuci pinggan di restoran di Littlewood, menjadi pencuci tandas di Asda, menjadi "housekeeping" di budget hotel dan "cleaner" di pejabat "off-shore" Shell. Pada musim cuti musim panas, aku bekerja di kilang proses ikan. Selama 2 tahun aku menjadi pelajar di Aberdeen, Scotland membuat aku lebih menghargai tanah airku. Apa sahaja tindakan, aku akan memikirkan buruk baiknya, bukan sahaja untuk diriku sendiri sebagai pelajar tajaan, juga sebagai anak perempuan sebuah keluarga miskin, yang bergantung harapan padaku untuk mengubah kehidupan keluarga. Juga sebagai rakyat Malaysia yang merdeka yang idak terpengaruh dengan anasir-anasir negatif di sana seperti berparti dan bergaul bebas tanpa batas.

Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Pepatah yang sangat sinonim bila berada di negara orang. Tetapi, jati diri perlu teguh dan tidak terpengaruh dengan budaya barat. Biar dikata tidak moden. Sofistikated di minda bukan cara berpakaian atau pergaulan. Itulah pendirianku. Alhamdulillah, setelah berhempas pulas, aku berjaya menggenggam segulung ijazah. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, aku pulang untuk bekerja dan berbakti di tanah airku. Amat sedih bila ada yang enggan pulang dan "melarikan diri" daripada penaja demi mengejar kemewahan "pound sterling".

Pengorbanan watak-watak di dalam novel yang pernah aku baca sentiasa bermain di minda. Tidak ada jalan mudah untuk berjaya. Setiap dugaan dan cabaran akan membentuk diri kita dan memberi inspirasi kepada generasi muda. Aku tidak pernah lupa, di kala aku membuat panggilan telefon dari UK kepada arwah ayahku, sambil menangis, meluahkan betapa sukarnya belajar di Scotland. Terutama loghat dialek lengkok "Gaelic" yang sangat susah difahami. Pensyarah-pensyarah tempatan masih pekat dengan lengok bahasa Scottish mereka. Arwah ayahku mengatakan teruskan perjalanan seperti berjalan di padang yang peluh lalang yang tinggi dan tebal. Teruskan perjalanan yang telah dimulai hingga ke penghujung. Alhamdulillah, aku pegang amanat arwah ayahku hingga ke hari ini.

Sekembalinya aku dari luar negara, aku terus bekerja dan menaikkan taraf hidup keluargaku. Memberi inspirasi kepada adik-adikku untuk terus berjuang, mengubah taraf hidup. Perjuangan belum berakhir. Aku melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana di Universiti Sains Malaysia (USM) secara sambilan dan seterusnya menghabiskan pengajian hingga ke peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Australia. Kenangan setiap malam membaca "bedtime story" kepada anak tunggalku semasa dia berada dalam gred 1 hingga 4 adalah suatu "bonding" yang menjadi kenangan manis. Anakku hingga kini boleh dikatakan "ulat buku". Pendedahan kepada buku semasa beliau bersekolah di Manifold Height Primary School memberi impak positif pada

kecenderungannya terhadap buku. "Library session" adalah suatu yang dinantikan. Setiap buku yang dibaca, digalakkan untuk diulas di hadapan kelas. Beliau sentiasa teruja untuk mengulas buku-buku yang dibacanya. Beliau kerap mendapat "student of the week award" kerana kecenderungannya terhadap buku di mana beliau sangat rajin mengulas buku-buku yang telah dibacanya di dalam diari yang diberi oleh guru.

Kenangan semasa anakku bersekolah tadika semasa berumur 4 tahun juga sangat menggamit memori di mana semasa pertengahan tahun, beliau sudah boleh membaca dengan lancar. Arwah suamiku yang juga seorang "ulat buku" sentiasa melayan anakku membaca. Sehingga sesetengah buku terpaksa disorokkan daripada anakku kerana bukan tahapnya.


Ilmu pengetahuan daripada buku dapat menjadikan kita berilmu dan ilmu yang ada dapat menjadi petunjuk dan benteng dalam mengharungi hidup. Namun, walau setinggi mana ilmu yang kita ada, berpegang kepada resmi padi, makin berisi, makin tunduk. Tidak apa yang perlu dibanggakan melainkan untuk mengejar ilmu Allah yang luas. Adikku yang bongsu berjaya ke menara gading di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dalam bidang Kimia Industri dan sekarang menjadi pegawai polis. Beliau banyak mengikut aku, suka pada buku dan novel. Hingga kini, kami bertukar-tukar dan saling berkongsi buku dan novel.

Setiap novel-novel yang aku baca memberi aku inspirasi dan seperti memperbaharui semangat untuk terus berjuang. Novel seperti "The Firm" membawa persepsi berbeza seiring dengan usiaku. Banyak pengajaran daripada novel ini. Konflik dan pengkhianatan adalah lumrah dalam kehidupan. Tindakan matang dan tidak melatah akan membawa kejayaan. Mengalah juga tidak bererti kalah. Dalam kerjaya yang penuh ujian seperti ini, menyerah kalah atau tetap teguh tanpa berhelah adalah pilihan kita. Di situlah terbentuknya jati diri yang dibentuk sedari kecil.

Buku-buku dan novel-novel banyak memberi inspirasi dan menjadi guruku. Buku dapat membawa kita ke pelosok dunia tanpa mengeluarkan kos yang tinggi. Menerokai dan memahami pengalaman penulis adalah suatu yang mahal. Menjiwai setiap ungkapan dan bait-bait boleh membuatkan kita tertawa atau menangis. Emosi mahupun ilmu daripada buku akan terpahat di hati selamanya. Memberi impak kepada arah tuju hidup kita. Itulah aku, menjiwai buku-buku yang pernah menjadi sebahagian daripada hidupku. Memandu aku untuk terus berlari, melawan arus deras hidup. Mengorak langkah yang kadang sumbang, namun terus berdiri, bercakna dan berlari mengejar mentari.


Untuk anak-anakku, anak didikku, aku sentiasa memberi inspirasi. Membacalah, membaca itu jambatan ilmu. Seperti sangat ironi bunyinya. Tetapi, pengetahuan daripada pembacaan tidak pernah mengecewakan. Sekarang, sementara aku sebagai pendidik, sudah tidak asing lagi bagiku menelaah buku-buku ilmiah. Tetapi, generasi sekarang, dengan segala ilmu pengetahuan di hujung jari, membuatkan buku dikesampingkan. Sangat sedih jika budaya ini berterusan, atau buku menjadi perhiasan di kabinet sahaja.

Harapanku, kepada anak-anak muda, peganglah buku. Segala ilmu daripada buku tidak akan menghampakan. Ia membentuk jiwa, membaja minda dan membentuk peribadi mulia. Dari tiada apa-apa, akan penuh isi di dada. Buku yang membina jiwa tidak pernah sia-sia.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

